

09 DEC 1997

Parlimen-Komanwel

MALAYSIA PUAS HATI PERANAN PERTUBUHAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak bercadang untuk mengemukakan cadangan agar reformasi dibuat terhadap Pertubuhan Komanwel kerana ia berpuas hati dengan aktiviti dan peranan yang dimainkan oleh badan itu setakat kini, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata bahawa dalam bidang politik misalnya pertubuhan itu telah memainkan peranan penting dalam memajukan nilai asas politik Komanwel termasuk dalam soal hak asasi manusia dan sistem kerajaan yang adil.

Beliau berkata oleh kerana kebanyakan anggota Komanwel terdiri daripada negara-negara miskin, isu-isu dan aktiviti perdagangan yang diperjuangkannya tertumpu kepada pembangunan sektor ekonomi negara-negara berkenaan.

Oleh itu, Komanwel jelas telah memainkan peranan yang penting dalam semua bidang kerjasama dan dalam isu-isu seperti pembangunan sumber manusia, kemajuan sains dan teknologi dan kerjasama teknikal, katanya semasa menjawab soalan Abdul Aziz Yassin (BN-Muar).

Semasa menjawab soalan tambahan Akbarkhan Abdul Rahman (BN-Libaran), Toyad berkata ketua-ketua kerajaan Komanwel yang bermesyuarat di Scotland baru-baru ini telah menerima sebulat suara cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar perdagangan mata wang dikawal.

"Cadangan itu telahpun diterima dan akan dikaji," katanya.

Menjawab soalan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang lupar), beliau berkata, tidak seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Komanwel tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan sumbangan kewangan dari negara anggota.

Ini kerana asas pertubuhan itu lebih untuk membantu negara-negara anggota yang miskin secara sukarela dan bukan untuk membebaskan negara anggota daripada segi kewangan, katanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting pula memberitahu dewan bahawa penggunaan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) tetap diperlukan walaupun kerajaan merancang mewujudkan Kad Serbaguna.

Beliau berkata KPT amat diperlukan sebagai kad pengenalan diri seseorang.

"Kad itu (Kad Serbaguna) mempunyai banyak tujuan tetapi kita masih memerlukan KPT kerana ia sesuatu kad yang mustahak untuk mengenal pasti identiti seseorang," katanya ketika menjawab soalan Noh Omar (BN-Tanjung Karang).

Ong berkata pelaksanaan Kad Serbaguna itu adalah sebahagian daripada perancangan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diselaraskan oleh Bank Negara.

Menjawab soalan Richard Riot Jaem (BN-Serian), beliau berkata bahawa sehingga 30 Sept lepas, 525,906 orang belum menukar kad pengenalan mereka kepada KPT.

"Sesiapa yang belum menukar kad pengenalan mereka kepada KPT selepas 31 Dis 1997, kompaun sebanyak RM200 akan dikenakan, dan jika mereka enggan membayar, tindakan mahkamah akan diambil," katanya.

Menjawab soalan tambahan Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu), mengenai masih banyak KPT yang belum dituntut di Sarawak kerana berlakunya pertukaran alamat, Ong berkata, wakil-wakil rakyat boleh membantu mengumpul senarai nama pemilik KPT berkenaan dan menyerahkan senarai itu kepada pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dihantar ke tempat itu.

"Ini kerana hanya pegawai pendaftaran sahaja yang boleh memegang KPT
itu," katanya. -- BERNAMA
APG MAI